

PM terima kunjungan Pengerusi ConocoPhillips

BERITA HARIAN 19 JUN 2025 m/s/t

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif ConocoPhillips, Ryan Lance di sini, semalam.

Syarikat minyak terkemuka dari Amerika Syarikat itu terbabit dalam penerokaan, pembangunan dan pengeluaran minyak di peringkat global, termasuk di Malaysia.

Anwar dalam posting di media sosial berkata, Kerajaan MADANI komited dengan dasar yang jelas dan mesra pelabur bagi memastikan keyakinan syarikat besar seperti ConocoPhillips untuk terus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan jangka panjang.

“ConocoPhillips turut menyatakan komitmen berterusan mereka terhadap pelaburan di Malaysia, termasuk penglibatan dalam Kontrak Perkongsian Pengeluaran Kluster Keabangan di Sabah, yang dikendalikan melalui anak syarikatnya, ConocoPhillips Sabah Gas Ltd, bersama rakan strategik, iaitu PETRONAS.

“Kehadiran dan pelaburan syarikat utama seperti ConocoPhillips amat penting dalam menjamin kestabilan serta kemampanan tenaga negara.

“Ini juga berupaya merangsang pertumbuhan ekonomi dan membuka peluang pekerjaan bernilai tinggi dalam sektor minyak dan tenaga,” katanya semalam.



Anwar menerima kunjungan Lance di Putrajaya, semalam.

(Foto FB Pejabat Perdana Menteri)